




PARTI KEADILAN RAKYAT



Ibu Pejabat Parti

RUJUKAN KAMI: SUA2012/SKR/0045

RUJUKAN ANDA:

TARIKH: 24 April 2012

Dato' Hussamuddin Yaacub

Pengarah Urusan Kumpulan
Kumpulan Media Karang kraf
Lot 2, Jalan Sepana 15/3
Off Persiaran Selangor
Seksyen 15
40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Parti Keadilan Rakyat

A-1-09, Merchant Square

No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1

47410 Petaling Jaya

TELEFON: +603 7885 0530

FAKS: +603 7885 0531

E-MAIL: ibupejabat@keadilanrakyat.org

LAMAN WEB: www.keadilanrakyat.org

Melalui:

Faks : 03-55110231

Emel : hishamuddin@karangkraf.com.my

Kurier

Assalamualaikum wbth

Yang saya hormati Dato'

DEBAT "PEMANSUHAN PTPTN DAN HALA TUJU PENDIDIKAN TINGGI"

Saya ucapkan terima kasih kepada Sinar Harian di bawah kepimpinan Dato' kerana sudi menjadi tuan rumah debat ini.

Sukacita saya maklumkan bahawa pihak Pemuda Umno, melalui Penolong Setiausaha Datuk Megat Firdouz Megat Junid telah menyatakan secara rasmi persetujuan Pemuda Umno agar debat ini dianjurkan oleh Sinar Harian. Nota beliau yang dihantar melalui email kepada saya ada disertakan bersama.

Saya berpendapat segala urusan lain termasuklah tempat, format dan promosi sewajarnya diserahkan kepada Dato' dan pasukan di Sinar Harian agar berlaku adil kepada kedua-dua belah pihak. Jika saya meletakkan pelbagai syarat dan pandangan, ia mungkin berat sebelah dan dikira tidak adil.

Hanya ada dua perkara yang saya harap dapat dipertimbangkan oleh penganjur, iaitu:

1. Masa dan tarikh telah ditetapkan pada hari Khamis, 3 Mei 2012 di sebelah malam. Saya mohon budi bicara Dato' untuk mendapatkan pengesahan masa dari pihak Pemuda Umno.
2. Pihak saya merasakan sebaiknya debat boleh disiarkan oleh mana-mana stesen televisyen agar dapat ditonton oleh lebih ramai rakyat. Saya hargai jasa dan pertolongan Dato' kalau-kalau perkara ini dapat diusahakan.


Semua perkara lain seperti format, moderator dan sebagainya seharusnya diserahkan kepada pihak Dato' dan Sinar Harian. Saya sudi untuk duduk berbincang sekiranya diperlukan.

Saya percaya perkara-perkara ini memadai untuk meneruskan persiapan bagi debat tersebut.

Jasa dan sumbangan Dato' dalam menyuburkan demokrasi dan percambahan minda di negara ini akan sentiasa dikenang dan menjadi idola bagi ramai anak muda seperti saya.

Sekian, wassalam.

Yang menjalankan amanah

A handwritten signature in black ink on a light grey background. The signature is stylized and appears to read 'Mohd Rafizi Ramli'.

MOHD RAFIZI RAMLI
Pengarah Strategi

Sk. Datuk Megat Firdouz Megat Jonid
Penolong Setiausaha Pemuda Umno

KOMUNIKASI RASMI PEMUDA UMNO BERTARIKH 19 APRIL 2012

Salam Saudara.

Terima kasih diatas makluman dan email yang saudara telah hantar kepada YB Khairy Jamaluddin mengenai debat PTPTN.

Bagi pihak YB Khairy, ingin saya memaklumkan bahawasanya kita boleh berbincang dengan lebih terperinci bagi perkara-perkara yang akan dapat menjayakan debat ini.

Ingin saya memaklumkan juga bahawa pihak YB Khairy Jamaluddin tiada apa-apa halangan, bagi pihak Sinar Harian menjadi tuan rumah debat PTPTN ini.

Jika terdapat pandangan atau perbincangan yang perlu dilakukan, silalah berhubung dengan pihak saya selaku Penolong Setiausaha Pemuda UMNO Malaysia.